

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

STW312 - Teori dan Amalan Kerja Komuniti

Masa: [3 jam]

Semua bahagian mesti dijawab. Setiap soalan mesti dijawab dalam muka surat yang baru.

Bahagian I

Soalan ini wajib dijawab.

1. (i) "Kerja komuniti yang dilakukan di Malaysia tidak membawa pembangunan atau menyumbangkan kepada perubahan." Bincangkan dengan merujuk kepada contoh yang konkrit.

(50%)

- (ii) Apakah yang diperlukan dalam amalan kerja komuniti yang berasaskan pengambilan opsiyen (option) untuk memihak golongan miskin dan tertindas supaya menuju kepada perubahan struktur masyarakat?

(50%)

Bahagian II

Jawab SATU soalan sahaja.

2. (i) Mengapa amalan kerja komuniti memerlukan kefahaman tentang model-model interpretasi perubahan dinamik dan model-model pembangunan.

(40%)

- (ii) Huraikan dengan secara ringkas setiap model ini.

(30%)

- (iii) Bincangkan implikasi setiap model ini untuk jenis kerja komuniti yang diamalkan?

(30%)

(STW 312)

3. (i) Apakah organisasi bukan kerajaan (NGOs) dan organisasi rakyat? (30%)
- (ii) Bincangkan sumbangan, peranan, masalah dan limitasi yang dihadapi oleh kedua-dua jenis organisasi yang tersebut di atas dalam pendekatan pembangunan yang beralternatif? (40%)
- (iii) Apakah yang dimaksudkan pendekatan pembangunan yang beralternatif? (30%)
4. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan amalan kritis? (30%)
- (ii) Huraikan paradigma kerja komuniti yang dikemukakan oleh Ian Shirley sebagai model amalan kritis. (40%)
- (iii) Mengapa perspektif teoris dan pemahaman tentang strategi pembangunan penting dalam amalan kerja komuniti? (30%)

Bahagian III

Jawab SATU soalan sahaja.

5. (i) Apakah jenis 'kemasukan' ke dalam sesebuah komuniti yang boleh digunakan sebagai tapak permulaan kerja komuniti? (30%)
- (ii) Bagaimanakah pengelolaan dapat dilakukan supaya pihak komuniti diperkuasakan (empowered) dalam proses pengelolaan penyelesaian masalah mereka? (40%)
- (iii) Bincangkan isu dan dilema yang dihadapi oleh pihak pekerja komuniti dari segi peribadi dan dari segi amalannya. (30%)

[STW 312]

6. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan proses penganalisaan di dalam amalan kerja komuniti?
(40%)
- (ii) Dengan secara ringkas, huraikan bagaimana analisa sosial dari peringkat mikro dapat dijalankan di sesebuah komuniti sebelum kerja komuniti dimulakan.
(30%)
- (iii) Dalam analisa struktur masyarakat huraikan bagaimana struktur dan institusi masyarakat bergerak dan berinterak mengikut Model Dinamik.
(30%)
7. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pengelolaan komuniti? Huraikan bagaimana pengelolaan ini dapat dilakukan.
(40%)
- (ii) Jelaskan dan bezakan jenis golongan pengelola komuniti yang dikemukakan oleh Karina David.
(30%)
- (iii) Bincangkan jenis kerja komuniti dengan merujuk khas kepada metodologi, tujuan dan peranan yang diamalkan oleh setiap jenis golongan yang tersebut di atas.
(30%)

